



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	23/3/2021	MUKA SURAT : 17
JABATAN	:	JPSM	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Kenapa hutan gambut penting

Sinar Harian 23/3/2021 m/s 17



DR HALIZA ABDUL RAHMAN

PERSPEKTIF

Tanggal 21 Mac adalah hari yang penting kerana pada tanggal tersebut Sambutan Hari Hutan Sedunia diraikan bagi mengingatkan masyarakat tentang pentingnya fungsi dan peranan hutan bagi kelangsungan hidup manusia.

Antara jenis hutan yang perlu diberi perhatian di Malaysia adalah hutan paya gambut. Hutan jenis ini adalah ekosistem tanah lembap yang unik dan rapuh selain memerlukan masa ribuan tahun untuk pembentukannya. Ia didapati terutamanya di Pahang, Selangor, Sabah dan Sarawak.

Hutan gambut merupakan salah satu khazanah atau sumber daya alam yang penting dan mempunyai multi-fungsi. Ekosistem ini secara alami mempunyai rangkaian fungsi dan perkhidmatan yang penting kepada manusia dan alam sekitar. Antaranya mem-

lihora pelbagai biologi, menyediakan habitat kepada hidupan liar, pusingan kitaran hidrologi, menghalang kejadian banjir, hakisan, menstabil iklim, riadah dan pendidikan serta sumber keperluan sosio-ekonomi asas manusia.

Paya gambut di Semenanjung Malaysia menampung sejumlah 238 spesies tumbuhan dan 81 spesies ikan. Tahap endemik spesies ikan amat tinggi, ada spesies yang hanya ditemui di paya gambut tertentu di dunia seperti ikan laga Beta Langat yang hanya ditemui di Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) sahaja.

Antara fungsi dan peranan utama paya gambut adalah sebagai kawasan tadahan air. Tanah gambut memiliki peranan hidrologi yang sangat penting, sifat fiziknya dapat menyerap dan mengawal kestabilan bekalan sumber air melalui fungsi alami bahan organik dan berupaya menyimpan sehingga 90 peratus air. Paya gambut dicirikan oleh tanah yang mempunyai ketelapan tinggi, lantak berupaya untuk menyimpan banyak air.

Ini menjadikan tanah gambut berkemampuan dalam menstabilkan aras air dan mengawal banjir serta kemarau di kawasan sekitar. Semasa musim

hujan, paya gambut berperanan sebagai kawasan simpanan air semula jadi. Semasa musim kering, hutan paya gambut berkemampuan untuk mengairkan air kembali ke dalam sistem sungai untuk kegunaan penduduk terutama bagi pengairan tanaman pertanian seperti padi. Dianggarkan 10 peratus daripada air tawar dunia berada di hutan gambut.

Impak

Hutan gambut terus diacak dan diancam kewujudannya, misalnya oleh aktiviti berunsurkan pertanian serta akuakultur. Antara yang terancam adalah HSKLU yang berusia 8,000 tahun. HSKLU diklasifikasi sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap 1 di bawah Rancangan Fizikal Negara ke-3 dan telah ditetapkan sebagai kawasan pemuliharaan di bawah Rancangan Tempatan Kuala Langat. Ini bermakna tiada pembangunan sepatunya dibenarkan di kawasan ini untuk mengelakkan impak serius kepada alam sekitar, ekonomi dan sosial.

Kerajaan Selangor bercadang memperluaskan kawasan simpanan hektar atau 97 peratus hutan simpan berkenaan untuk tujuan projek pemba-

Ada spesies yang hanya ditemui di paya gambut tertentu di dunia seperti ikan laga Beta Langat yang hanya ditemui di Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) sahaja.”

ngunan bercampur. Tindakan penyahwartannya bakal memberi impak besar kepada alam sekitar selain menjejaskan lebih 2,000 komuniti orang asli suku Temuan. Sebarang gangguan terhadap ekosistem di kawasan ini juga turut menyebabkan perubahan berkekalan kepada sistem hidrologi iaitu sumber air mentah semula jadi.

Setiap perancangan untuk membaikpulih paya gambut mestilah berbandukan kepada pengetahuan saintifik dan haruslah relevan kepada keadaan persekitaran setempat dan sosio-ekonomi tempatan.

* Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman ialah Ketua Laboratori Kesihatan dan Kesihatan Sosial Beta Institut Pengajian Sains Sosial (IPSSAS) Universiti Putra Malaysia